# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KEDAH / PERLIS, WISMA PERSEKUTUAN, ALOR STAR, KEDAH

OLEH

NORAINI BT MOHD ARIFFIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM)

2006

0/3406

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045571

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 33 FPE 2 2006

1100045571
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah/Perlis Wisma Persekutuan, Alor Star, Kedah / Noraini Mohd Ariffin.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045571

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KEDAH/PERLIS, WISMA PERSEKUTUAN, ALOR STAR, KEDAH.

OLEH

**NORAINI BT MOHD ARIFFIN**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
2006

1100045571

# PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya Noraini Bt. Mohd Ariffin (UK9287) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 ini adalah hasil kerja saya sendiri. Segala bentuk penulisan dan data-data yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pendapat dan pandangan saya sendiri yang diaplikasikan melalui teori dan pengalaman sepanjang menjalani Latihan Industri di Jabatan Tenaga Kerja Kedah/Perlis ini. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,

Nama : Noraini Mohd Ariffin

Tarikh : 17 September 2006

Disahkan oleh:

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Alhamdulillah syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya dapat saya menamatkan Latihan Industri pada 9 Julai 2006 selama 13 minggu berada di Jabatan Tenaga Kerja Kedah/Perlis dan menyiapkan Laporan Industri (SOS 4299) yang telah diwajibkan kepada setiap pelajar jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Jutaan terima kasih saya kepada pihak pentadbiran KUSTEM terutama pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah bertungkus-lumus bagi mengendali serta menguruskan tempat Latihan Industri bagi para pelajar untuk mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari dan ilmu pengetahuan yang diperolehi selama berada di pusat pengajian.

Ucapan sekalung jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan keluarga yang tersayang, yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan yang besar kepada saya semasa menjalani Latihan Industri. Dengan limpahan kasih sayang, harapan dan keredhaan mereka, saya yakin dapat melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah datang dari Allah S.W.T jua.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia Latihan Industri saya iaitu Dr. Fadzli Adam yang banyak memberi tunjuk ajar serta kepada En. Syahrin Said pensyarah di KUSTEM yang memberi dorongan kepada saya dan tidak lupa juga kepada Penyelia Latihan Industri Pn. Pauziyah Bt Man selaku Pegawai Tenaga Kerja Kedah/Perlis yang banyak memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang Latihan Industri. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada staf-staf dan kakitangan-kakitangan yang berada di jabatan tersebut kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa saya berada di jabatan tersebut.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama menjalani latihan industri di jabatan ini iaitu Intan dan Ina, pelajar dari Polytech Mara Alor Star dan Jue dan Yati iaitu pelajar Universiti Utara Malaysia. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan terutama Rabiahton Adawiyah Ibrahim, Faridah Hashim, Norsuhada Ibrahim, Zaifah Yusof dan Nazirah Bt Yusof di mana mereka ini telah banyak membantu saya sacara langsung dan tidak langsung semasa saya menjalani Latihan Industri. Terima kasih saya ucapkan dan semoga segala jasa kalian semua akan dibalas dengan kerahmatan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

# SENARAI KANDUNGAN

**PERKARA** **HALAMAN**


PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN i
PENGHARGAAN ii
SENARAI KANDUNGAN iii
SINGKATAN vii
RINGKASAN EKSEKUTIF viii

**BAB 1 : LATAR BELAKANG JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KEDAH/PERLIS**

1.1 PENGENALAN
- 1.1.1 Sejarah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah/Perlis
- 1.1.2 Misi Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.3 Visi Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.4 Objektif Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.5 Fungsi Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.6 Dasar Kualiti Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.7 Piagam Pelanggan Jabatan Tenaga Kerja
- 1.1.8 Undang-undang Buruh Yang Dikuatkuasakan
- 1.1.9 Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Jabatan

1.2 STRUKTUR ORGANISASI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KEDAH/PERLIS
- 1.2.1 Carta Organisasi Lima Cawangan bagi Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah/Perlis
- 1.2.2 Carta Organisasi Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah/Perlis dan Cawangannya

1.3 PERANAN DAN AKTIVITI UNIT PENGUATKUASAAN DAN UNIT PEKERJAAN
- 1.3.1 Unit Penguatkuasaan (Pentadbiran)
- 1.3.2 Unit Pekerjaan

1.4 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI SEPANJANG LATIHAN INDUSTRI
- 1.4.1 Merekodkan Data Perladangan

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1.4.2 Berkomunikasi Dengan Pegawai Atasan Serta Para Pelanggan Dengan Berkesan
1.4.3 Kemahiran Dalam Membuat Fail Meja
1.4.4 Menguruskan Pendaftaran *Job Clearing System (JCS)*

1.5 KESIMPULAN

**BAB II : PENGENALPASTIAN SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1 PENGENALAN

2.2 MENGESAN SISTEM YANG SEDIA ADA
2.2.1 Sistem Ladang
2.2.2 Sistem ELX *(Electronic Labour Exchange)*
2.2.3 Sistem Fail Kes Buruh
2.2.4 Sistem SISPEN
2.2.5 Sistem Kad Perakam Waktu
2.2.6 Sistem Perkhidmatan Komputer

2.3 MENGENALPASTI MASALAH YANG TIMBUL DI JABATAN TENAGA KERJA ALOR STAR, KEDAH
2.3.1 Masalah Sistem Ladang
2.3.2 Masalah Sistem ELX (*Electronic Labour Exchange)*
2.3.3 Masalah Sistem Fail Kes Buruh
2.3.4 Masalah Tenaga Kerja

2.4 CADANGAN PENYELESAIAN
2.4.1 Masalah Sistem Ladang
2.4.2 Masalah Sistem ELX *(Electronic Labour Exchange)*
2.4.3 Masalah Sistem Fail Kes Buruh
2.4.4 Masalah Tenaga Kerja

2.5 KESIMPULAN

BAB III: ANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN (SWOT)

3.1 PENGENALAN

3.2 KEKUATAN *(STRENGTHS)*
3.2.1 Perkhidmatan Yang Disediakan
3.2.2 Pegawai Atasan yang Cekap dan Berkaliber
3.2.3 Hubungan Baik Di antara Pegawai Atasan dengan Kakitangan Bawahan

3.3 KELEMAHAN *(WEAKNESSES)*
3.3.1 Penyalahgunaan Perkhidmatan Komputer
3.3.2 Keadaan atau Suasana Pejabat Agak Sempit

3.4 PELUANG *(OPPORTUNITIES)*

3.5 ANCAMAN *(THREATS)*
3.5.1 Sikap Kakitangan Yang Tidak Berdisiplin

3.6 ANALISIS SWOT TERHADAP AKTIVITI DI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KEDAH/PERLIS
3.6.1 Hari Karnival Kerjaya 2006 Peringkat Negeri Kedah
3.6.2 Aktiviti Temuduga Secara Terbuka Oleh Malaysia Airport Niaga Sdn Bhd (ERAMAN)

3.7 KESIMPULAN

BAB IV: PENUTUP

RUJUKAN
LAMPIRAN

## SINGKATAN

**BPR** – Badan Pencegah Rasuah

**ELX** – *Elektronic Labour Exchange*

**JCS** – *Job Clearing System*

**KUSTEM** – Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

**OKU** – Orang Kurang Upaya

**PTK** - Penilaian Tahap Kecekapan

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti dan Sains Teknologi Malaysia telah menetapkan syarat wajib kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) menjalani kursus Latihan Industri (SOS 4299).

Kursus ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Kursus ini diadakan oleh fakulti tersebut dengan tujuan memberi peluang kepada pelatih untuk belajar dan memperolehi ilmu pengetahuan sepanjang latihan tersebut. Selain itu, pelatih juga dapat menimba pengalaman dan mempelajari pelbagai aspek seperti pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi sama ada di jabatan awam, swasta, badan-badan berkanun dan sebagainya.

Di samping itu, pelatih juga dapat mengetahui etika kerja sepanjang latihan industri dan cara-cara berkomunikasi yang berkesan semasa berurusan dengan pegawai-pegawai atasan serta masyarakat sekeliling sepanjang latihan industri. Selain itu, pelatih juga dapat memupuk keyakinan diri dalam membuat keputusan dan perancangan semasa 13 minggu menjalani latihan industri.

Pelatih telah menjalani latihan industri di Jabatan Tenaga Kerja Kedah/Perlis di Unit Penguatkuasaan (Pentadbiran) dan Unit Pekerjaan selama 13 minggu bermula dari 17 April 2006 hingga 9 Julai 2006. Pelatih telah ditempatkan di bawah penyeliaan Pegawai Tenaga Kerja Kedah/Perlis iaitu Puan Hajjah Puaziyah Binti Man selaku pegawai di bahagian Unit Pentadbiran.